

Podium ketiga

Harian metro 20/7/2022 (Page 43)

Damok mempamer tunggangan meyakinkan apabila menamatkan perlumbaan di tempat kedua



DAMOK (kiri) kini sudah mengumpul 97 mata untuk berada di tangga kedua keseluruhan.

**Oleh Saiful Affendy
Sapran**

saifulaffendy@hmetro.com.
my

Kuala Lumpur

Pelumba muda negara, Syarifuddin Azman diharap dapat terus memperbaiki prestasinya meskipun baru meraih podium kedua di Pusingan 5 Kejuaraan JuniorGP Dunia di Litar Algarve, Portugal, Ahad lalu.

Pengurus pasukan SIC Racing Team, Zulfahmi Khairuddin berkata, kejayaan Syarifuddin atau lebih mesra disapa Damok itu adalah cukup manis kerana ia adalah podium ketiganya pada musim ini.

"Secara keseluruhannya, saya sangat gembira dengan prestasi Damok pada min-

ggulalu kerana mendapat podium ketiga musim ini dan meletakkan dirinya di kedudukan kedua dalam kedudukan kejuaraan.

"Ini adalah sesuatu yang bagus buat kami. Diharap, ketika tempoh rehat ini, dia dapat melihat secara mendalam apakah yang boleh dipertingkatkan untuk ke depan lagi," katanya.

Damok mempamer tunggangan meyakinkan Ahad lalu apabila menamatkan perlumbaan di tempat kedua dengan catatan 29 minit 07.323 saat (s) dan dipisahkan 6.551s di belakang pemenang, Jose Rueda (29:00.772s) manakala Adrian Cruces melengkapkan pentas podium di tempat ketiga, 29:07.437s.

Penamat kedua diraihnya itu adalah yang ketiga selepas turut meraih kedudukan sama pada dua perlumbaan

di Litar Catalunya, bulan lalu.

Damok kini sudah mengumpul 97 mata untuk berada di tangga kedua keseluruhan ketika berbaki tiga lagi pusingan di Litar Misano, Aragon dan Ricard Tormo.

Dua lagi pelumba negara di bawah seliaan Zulfahmi, Danial Syahmi Ahmad Shahril yang turut beraksi dalam kelas sama pula menamatkan perlumbaan di tempat ke-18 dan kini berada di tangga ke-19 keseluruhan.

Manakala Hakim Danish Ramli yang beraksi dalam saingan European Talent Cup (ETC) tidak menamatkan perlumbaan selepas jentera mengalami masalah mekanikal dan kini berada di tangga kelima keseluruhan.